

MAKLUMAT INOVASI 2016

Nama Ketua Kumpulan	Dr. Anun binti Man
Jawatan dan Gred:	Ketua Seksyen Aneka Haiwan
Alamat:	Seksyen Aneka Haiwan Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Blok Podium, Lot 4G2, Wisma Tani, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62630 Putrajaya
No. Telefon	03-88702411
No. Faks	03-88702451
Emel	anun@dvs.gov.my
Senarai Ahli Kumpulan, Jawatan dan Gred:	
<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Lee Chai Ha (Penolong Pengarah Kanan, G44) 2. Pn. Syarifah Fatimahbinti Syed Abdullah (Penolong Pegawai Veterinar, G27) 3. Pn. Ismayante Binti Ramli (Penolong Pegawai Veterinar, G27) 4. Pn. Faridatul Ashikin binti Kunhi Maidin (Pembantu Veterinar, G17) 	

Tajuk Inovasi
KEBERKESANAN PRODUK SARANG BURUNG WALIT MALAYSIA, JENAMA MALAYSIA MENYAKINKAN PENGGUNA
Ringkasan Inovasi
<p>Rantaian bekalan Sarang Burung Walit bermula dengan rumah burung, gua, kilang pemprosesan untuk pembersihan, dan sehingga runcit dan pengedaran borong. Tujuan sistem dayajaejak ini adalah supaya kebolehkesanannya dilaksanakan pada setiap titik untuk mengenal pasti punca asal SBW ini. Rantaian kebolehkesanannya meliputi pengenalphastian setiap produk SBW mentah oleh pengenalan yang unik yang terdiri daripada kod negara, kod kawasan, kod aktiviti dan nombor siri.</p> <p>Sistem ini dibangunkan untuk membantu industri burung walit bagi mematuhi kehendakkehendak kebolehkesanannya selaras dengan akta dan peraturan tempatan seperti ternyata di dalam GMP dan HACCP.</p>

Pada masa yang sama sistem ini juga dibangunkan sebagai kesinambungan daripada keperluan industri burung walit untuk mematuhi keperluan kebolehkesanannya produk sarang burung walit Malaysia mengikut Protokol of Inspection, Quarantine and Hygienic requirements for the importation of Bird Nest Products from Malaysia to China between MOA Malaysia & AQSIQ, China. Sistem ini telah berkembang mengikut keperluan semasa dan disesuaikan mengikut isu semasa bagi sarang burung walit mentah, khususnya bersih dan belum bersih, yang akan dieksport ke China dan negara-negara lain.

Latar Belakang

Isu sekatan eksport Sarang Burung Walit dari Malaysia ke China timbul pada Julai 2011 apabila terdapat laporan negatif oleh beberapa media di CHINA mengenai kualiti SBW yang diimport dari Malaysia. Hasil pemeriksaan oleh Zhejiang Provincial Administration for Industry & Commerce (SAIC) terutamanya ke atas SBW yang berwarna merah (red coloured nest atau cave nest), didapati SBW ini mengandungi kandungan nitrit yang tinggi sehingga melebihi 1,000 ppm yang boleh menjadikan keselamatan makanan dan tidak selamat untuk makanan manusia. Sarang burung merah ini didakwa telah diimport dari Malaysia dan memberi gambaran bahawa SBW dari Malaysia boleh mengancam kesihatan pengguna. Pada masa tersebut, Malaysia tidak dapat membuktikan bahawa SBW yang berwarna merah tersebut bukan datang dari Malaysia. Dengan itu, Malaysia telah mengalami kerugian yang amat besar dalam pengeksportan SBW ke China dan pengguna hilang keyakinan mereka terhadap produk SBW Malaysia.

Aktiviti perdangangan SBW Malaysia ke CHINA semula telah melalui beberapa siri rundingan diantara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan *General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine* (AQSIQ), CHINA, pihak CHINA dan Malaysia telah memetrai memorandum persefahaman protocol import CHINA untuk SBW mentah bersih (Raw-clean Edible Bird Nest) dengan penyeragaman tatacara pengimportan SBW dari Malaysia dengan penetapan beberapa kaedah-kaedah dan syarat-syarat pada 19 September 2012.

Susulan dari permohonan yang telah dimajukan kepada pihak CNCA, satu pasukan pengauditan dari CNCA yang dianggotai oleh 6 juruaudit berpengalaman telah datang ke Malaysia pada 9 hingga 19 April 2013 bagi menjalankan pengauditan ke atas 15 loji pemprosesan. Setelah audit selesai dijalankan pasukan audit telah menyenaraikan 6 isu utama berkaitan pengurusan loji pemprosesan SBW yang telah diaudit, salah satu isu adalah Sistem dayajejak, pihak Cina mohon pihak berkuasa Malaysia perlu ada satu sistem daya jejak di sepanjang rantaian pengeluaran SBW perlu diwujudkan oleh setiap pengusaha.

Penjelasan Inovasi

Pada tahun 2008, laman web burung walit versi 1.0 telah diwujudkan pendaftaran, pengenalan dan daya jejak industry burung walit di Malaysia, di mana sistem ini adalah ringkas dan mengandungi maklumat ringkas pengusaha melalui pendaftaran.

Pada tahun 2010, Jabatan telah membangunkan sistem secara web base dengan penambahbaikan berbanding versi 1, mengandungi profil usahawan atau syarikat, kedudukan premis sejarar dengan GPS dan pengeluaran premis berkenaan.

Pada tahun 2011 – 2012, Sistem ini telah dinaik taraf ke peringkat yang lebih cangkih, iaitu menggunakan server yang lebih besar dan dapat menampung lebih banyak maklumat berkaitan dengan industri walit. Rantaian kebolehkesan meliputi pengenalpastian setiap produk SBW mentah oleh pengenalan yang unik yang terdiri daripada kod negara, kod kawasan, kod aktiviti dan nombor siri. Pihak yang terlibat dari rumah burung ke pengeksport

telah dibahagi kepada 6 ketagori pengusaha: Perladangan (Binaan) Sarang Burung Walit, Pemprosesan Sarang Burung Walit, Pedagang / Pusat Jualan Sarang Burung Walit, Perladangan Gua Sarang Burung Walit, Pemborong (Service Provider) Sarang Burung Walit, dan Pengesport Sarang Burung Walit.

6 ketogori ini dikenal sebagai aktiviti yang dilaksanakan dalam sepanjang rantaian bekalan industri SBW. Dengan itu, setiap aktiviti diberi kod aktiviti khas, hanya aktiviti untuk perladangan (Binaan) sarang burung walit tidak ada kod aktiviti tetapi mempunyai nombor siri selepas kod negeri dan daerah.

Dengan hanya membaca pada ID yang diberi kepada setiap premis atau pengusaha, dapat mengenalpasti premis lokasi premis secara kasar dengan kod negeri, kod daerah serta jenis aktiviti melalui kod aktiviti.

Semasa pengusaha memohon untuk mengesport ke luar negara, khasnya pengekporstan SBW mentah bersih ke China, selain sijil kesihatan veterinar dan Certificate of Origin diberi kepada pengekspor, PIN (Packaging Identification Number) sticker juga telah diberi kepada pengusaha untuk dilekat pada produk mereka untuk memberi jaminan kepada negara pengimport bahawa produk Malaysia mempunyai sistem daya jejak yang lengkap.

Maklumat pada PIN sticker tersebut termasuk QR code, nombor ID pengekspor, bilangan konsinan pada tahun tersebut serta tahun semasa. PIN sticker tersebut juga terdapat beberapa ciri-ciri keselamatan untuk mengelakkan pihak lain membuat duplikasi pada ticker tersebut.

Salah satu ciri yang amat berguna kepada pengguna (end user) dan juga pihak berkuasa negara pengimport adalah QR code. Pengguna boleh mengimbas pada QR code yang ada pada PIN sticker tersebut untuk mengetahui maklumat yang ada pada sijil kesihatan veterinar, seperti nombor sijil kesihatan veterinar, nama dan alamat loji pemprosesan, ID loji pemprosesan, nombor batch tersebut, sumber SBW (rumah burung atau gua), Nama dan ID perladangan SBW, tarikh pengeluaran, status penyakit avian influenza dan penyakit epidemik sebanyak 9 maklumat yang mantap.

Faedah Inovasi:

Keberkesanan pada sumber bahan mentah yang digunakan untuk menghasilkan produk dan dapat

Memberi jaminan keselamatan makanan dan meningkatkan keyakinan pengguna pada produk Malaysia. Dengan sistem ini pada keberkesanan lokasi premis-premis walit, jika ada wabak dapat kerajaan mengawal dan mengelakkan penyakit merepak.

Sehingga sekarang, telah 2 kes dilapor kepada Malaysia oleh pihak berkuasa China berkaitan produk sarang burung walit Malaysia mengandungi nitrit lebih tinggi daripada 30 ppm yang ditetapkan. Dengan Sistem Dayajejak dan PIN sticker pada produk tersebut, Jabatan dapat mengesan maklumat berkaitan dengan kumpulan produk yang dikeluarkan pada masa yang sama. Dengan itu, Jabatan dapat membuktikan bahawa produk yang sama masih berada di Malaysia tidak mempunyai isu nitrit yang tinggi.

Secara langsung atau tidak langsung sistem dayajejak ini membolehkan kerajaan kesan produk sarang burung walit pada setiap titik rantaian dari rumah burung walit sehingga pengekspor dan juga pada ketagori pengusaha yang terlibat dalam rantaian bekalan industri sarang burung walit.